



SEORANG pengunjung memegang aset ketenteraan yang dipamerkan pada DSA dan NATSEC Asia 2022 di MITEC, Kuala Lumpur semalam. – AMIR KHALID

Kosmo 30/3/2022 (page 12)

Syarikat TAI tertarik kebolehan anak tempatan

Malaysia dipilih hab produk aeroangkasa

Oleh HARRITH HISHAM

KUALA LUMPUR – Malaysia dipilih oleh syarikat aeroangkasa antarabangsa Turkish Aerospace Industries (TAI) sebagai hab pengedaran produk aeroangkasa di rantau Asia Tenggara.

Pegawai Eksekutif TAI, Prof. Temel Kotil berkata, Malaysia dipilih kerana kebolehan anak tempatan serta mempunyai kepakaran serta bakat dalam bidang elektronik.

Menurutnya, TAI turut mengadakan perbincangan dengan beberapa negara serantau, namun telah memilih untuk memberi perhatian istimewa kepada Malaysia kerana percaya dengan kebolehan negara ini.

“Kami habiskan banyak masa dan wang dalam tempoh 20 tahun untuk membangunkan spektrum penuh produk TAI, sekarang kami ada sekitar 1,000 jurutera untuk helikopter sahaja.

“Jadi, kami mahu membawa



pengalaman dan kongsi dengan Malaysia. Jika kita menanam buah epal 20 tahun lalu, sekarang pokoknya sudah berbuah, jadi kami ingin Malaysia turut menikmati buah ini,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar pada Pameran Perkhidmatan Pertahanan Asia (DSA) 2022 dan Pameran Keselamatan Kebangsaan Asia (NATSEC) di Pusat Pameran dan Perdagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC) di sini semalam.

Temel berkata, TAI sudah membuka sebuah pejabat urusan di Cyberjaya sejak empat bulan lalu dan telah melantik sekitar 50 jurutera tempatan untuk

membangunkan sistem perisian dan avionik versi global di sini.

Katanya, TAI turut berkolaborasi bersama dengan DRB-Hicom Defence Technologies Sdn. Bhd. (Deftech) dan beberapa agensi berkaitan dan institusi tempatan untuk membangunkan sistem avionik tersebut dan beberapa produk lain seperti dron tanpa pemandu (UAV).

“Kerajaan Malaysia telah membuat banyak pelaburan untuk membangunkan program aeroangkasa tempatan dari segi selenggaraan, pembaikan dan operasi, jadi kami berharap boleh menjadi pembuat di sini.

“Itulah polisi kerajaan dan kami mahu menyokong polisi tersebut. TAI akan pastikan kita mampu untuk menghasilkan produk di sini, daripada pemasangan sehingga pembuatan,” ujarnya.

TAI yang berpangkalan di Ankara, Turki berpengalaman selama 20 tahun dalam bidang pembuatan produk aeroangkasa.